

# MAJLIS PERASMIAN RUMAH KELUARGA ANGKATAN TENTERA (RKAT) PU KUANTAN



[airforce.mil.my/berita/acara-rasmi/3397-majlis-perasmian-rumah-keluarga-angkatan-tentera-rkat-pu-kuantan](http://airforce.mil.my/berita/acara-rasmi/3397-majlis-perasmian-rumah-keluarga-angkatan-tentera-rkat-pu-kuantan)

KUANTAN, 26 April 18 - Menteri Pertahanan Malaysia, YB Dato' Seri Hishammuddin Tun Hussein telah merasmikan Rumah Keluarga Angkatan Tentera (RKAT) baharu di Pangkalan Udara Kuantan. Sebanyak 94 buah unit baharu telah dibina bermula April 2013 dan telah siap sepenuhnya pada Januari 2018. Projek ini melibatkan 3 kelas RKAT yang digunakan oleh anggota lain-lain Pangkat (LLP) TUDM.

Selain itu juga, komplek RKAT ini turut menyediakan parkir kenderaan serta taman permainan kanak-kanak. Pembinaan RKAT ini adalah sebahagian daripada penyusunan strategik perpindahan PU Kuala Lumpur ke PU Kuantan.

Turut hadir di majlis ini, Panglima Angkatan Tentera, YM Jen Tan Sri Raja Mohamed Affandi bin Raja Mohamed Nor; Tentera Udara, YBhg Jen Tan Sri Dato' Sri Hj Affendi bin Buang TUDM serta pegawai-pegawai kanan ATM.

